

Edisi Januari - Jun 2025

MITASA



Suara

MITASA

*Adab Sebagai Asas
Kecemerlangan Akademik
dan Pembentukan Sahsiyah*

*Biar Wasiat Jadi
Suara Terakhir*

*Merungkai Potensi:
Prestasi Pekerja Dalam
Era Kerja Jarak Jauh*

*Motivasi Diri Berdasarkan
Penilaian Prestasi*

*Cabaran dan Keperluan
Graduan Teknologi
Maklumat Dalam Dunia
Pekerjaan Masa Kini*

*"Selamat Ke Kita Ni?":
Meneroka 'OSH'*

*Kursus Pengurusan Operasi
Perkhidmatan - Membentuk
Insan Adabi Cemerlang*



PERJUANGAN YANG BERTERUSAN

Memahami Perkara 153: “Antara Hak Istimewa dan Tanggungjawab Bersama”

- Berlangsung pada 5 Februari 2025.
- Dihadiri oleh Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin dan Exco Undang-Undang MITASA, Dr Adlan Abd Razak.
- Bertempat di Dewan Mukhtamar Masjid Al-Wathiqu Billah TuanKu Mizan Zainal Abidin.



- Merupakan langkah signifikan dalam memperkasakan misi asal penubuhan UiTM sebagai sebuah institusi khusus untuk kaum Melayu dan Bumiputera.
- Menghimpunkan wacana ilmiah bagi mendalami Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

- Forum ini bukan sahaja membuka ruang bagi pemahaman yang lebih jelas tentang kedudukan khas Melayu dan Bumiputera sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, malah turut menekankan tanggungjawab bersama dalam mengekalkan keharmonian serta kesejahteraan negara.
- Pro-Cancellor UNISZA merangkap Naib Presiden Majlis Datuk Dato' Malaysia, Yang Mulia Tunku Datuk Nooruddin 'Tunku Dato' Seri Shahabuddin telah merasmikan forum ini.

- Barisan panel jemputan ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Ibrahim Ahmad, serta Profesor Datuk Dr Shamrahayu A.Aziz iaitu Profesor di Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law, UIA yang telah berkongsi pandangan dan kepakaran mereka manakala Dekan (Akademik & Antarabangsa), Kolej Pengajian Seni Kreatif, Prof Madya Ts Dr Rusmadiyah Anwar bertanggungjawab sebagai moderator.
- Forum ini turut dihadiri oleh wakil daripada Majlis Datuk Dato' Malaysia, Akademi Kenegaraan Malaysia, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Persekutuan Alumni UiTM Malaysia, serta persatuan dan kesatuan dalaman UiTM, selain kehadiran staf serta para pelajar UiTM.



THE
STARTING
POINT
OF ALL
ACHIEVEMENT
IS

DESIRE.

- Napoleon Hill